



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang
Anugerah Perdana
Teknologi
Maklumat 2006

Ruj. Kami : JPA(L)S.175/4/4-2
Tarikh: 24 Ogos 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**ELAUN BAGI PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI YANG
MENGIKUTI LATIHAN AMALI DI AGENSI KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Panel 3P (Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan) pada 15 Mac 2011 telah bersetuju supaya Perbadanan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji semula peraturan berhubung pemberian elaun kepada pelajar yang menjalani latihan praktikal di agensi Kerajaan selama 3 hingga 6 bulan.

3. Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan pemberian elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri/praktikal di jabatan/agensi Kerajaan sebanyak **RM 15.00 sehari terhad kepada maksimum 3 bulan sahaja bagi sepanjang tempoh pengajian** dan elaun ini membatalkan Elaun Latihan Amali yang diterima pelajar tajaan Kerajaan.

4. Dengan berkuat kuasanya kadar elaun tersebut, Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pembayaran elaun tersebut mengikut peraturan, syarat dan prosedur berikut:

(a) Pengambilan Pelajar

- (i) Pelajar terdiri dari Warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pelajar adalah meliputi pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara;
- (iii) Pelajar tidak boleh diambil untuk mengisi jawatan kosong, jawatan kenaikan pangkat atau untuk melaksanakan tugas pegawai tetap;
- (iv) Pelajar merupakan tenaga kerja sementara bagi memenuhi keperluan mendesak untuk menyelesaikan tugas mengikut masa atau output tertentu. Tugas yang boleh dilaksanakan adalah yang berbentuk projek, *ad hoc* atau tugas bermusim;
- (v) Pelajar boleh memohon kepada mana-mana agensi yang difikirkan sesuai;
- (vi) Ketua Jabatan hendaklah merancang dan mengenal pasti kerja atau tugas yang akan dilaksanakan oleh pelajar terlebih dahulu sebelum urusan pengambilan; dan
- (vii) Ketua Jabatan boleh mengadakan kaedah pemilihan tertentu seperti temu duga untuk mendapatkan pelajar yang sesuai.

(b) Pengurusan Pelajar

- (i) Ketua Jabatan hendaklah memastikan seorang atau lebih Pegawai Penyelia di kalangan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang bertanggungjawab ke atas urusan penyeliaan tugas pelajar;
- (ii) Ketua Jabatan hendaklah menyediakan senarai tugas, jadual tugas dan sasaran kerja;
- (iii) Waktu latihan amali pelajar adalah menyamai waktu bekerja pegawai awam;
- (iv) Pelajar tidak layak mendapat apa-apa elaun, kemudahan cuti, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang layak diterima oleh pegawai awam;
- (v) Pelajar boleh dibenarkan bercuti dengan kebenaran tanpa dibayar sebarang elaun;
- (vi) Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar tidak menandatangani surat rasmi jabatan dan tidak menjalankan tugas yang melibatkan maklumat terperingkat;
- (vii) Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar menandatangani perakuan berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972;
- (viii) Tempoh latihan amali adalah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh institusi pengajian pelajar. Walau bagaimanapun, pembayaran elaun adalah dihadkan kepada maksimum tiga (3) bulan sahaja.


(c) Pembayaran Elaun Pelajar

- (i) Ketua Jabatan perlu memastikan perbelanjaan bagi tugas ini mengguna pakai peruntukan sedia ada agensi Kerajaan yang terlibat;
- (ii) Kadar pembayaran elaun adalah sebanyak RM 15.00 sehari terhad kepada maksimum 3 bulan sahaja dengan syarat latihan praktikal/amali tersebut adalah merupakan salah satu syarat untuk pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya;
- (iii) Pelajar tidak layak dibayar bayaran lebih masa; dan
- (iv) Pelajar akan menerima bayaran elaun mengikut hari bekerja sahaja tidak termasuk hari cuti awam/umum/hujung minggu.

5. Kadar pembayaran elaun ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan